

20/10/2003

Belasungkawa

ALLAHYARHAM Datuk Seri Harun Idris disifatkan sebagai tokoh negara yang terkenal dalam bidang politik dan sukan.

Harun yang meninggal dunia jam 2.55 petang semalam kerana diserang angin ahmarmemulakan kerjayanya sebagai Pegawai Daerah Gemas dan Tampin pada 1948 dan kemudian Majistret di Kuala Langat, Klang dan Kuala Lumpur pada 1951.

Semangat berpolitik sebenarnya tertanam di hati Allahyarham sejak berusia 15 tahun lagi.

Sejak remaja Allahyarham bercita-cita menjadi tokoh politik, dan itulah yang mendorongnya mendalami bidang perundangan di Middle Temple, London pada 1953.

Sekembalinya ke tanah air, Allahyarham memegang jawatan Timbalan Pendakwa Raya Selangor pada 1957, Pendaftar Pertubuhan (1961) dan Penasihat Undang-Undang Selangor mulai 1961 hingga Mac 1964.

Tertarik dengan kewibawaannya berhujah dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) parti pembangkang, ketika berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang Selangor, Allahyarham diberi kepercayaan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra untuk bertanding pada pilihan raya 1964 di kawasan Morib.

Sebaik saja memenangi pilihan raya itu, Allahyarham dilantik sebagai Menteri Besar Selangor yang kelapan pada tahun yang sama. Allahyarham meletakkan jawatan itu pada 1976 selepas didapati bersalah atas dakwaan menerima rasuah RM250,000 daripada Hong Kong and Shanghai Bank.

Berikutan itu, Allahyarham juga dipenjarakan selama enam bulan atas dakwaan menipu serta enam bulan lagi atas dakwaan pecah amanah saham dan stok Bank Rakyat bernilai kira-kira RM5.6 juta pada 25 Januari 1977.

Allahyarham dibebaskan pada 1982 selepas tiga setengah tahun menjalani hukuman penjara dan mendapat pengampunan penuh Yang di-Pertuan Agong.

Sepanjang kerjaya politiknya, Allahyarham juga pernah menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Umno pada 1974 hingga 1976 dan dipilih sebagai Naib Presiden Umno pada 1978 hingga 1981.

Ketika Allahyarham memimpin Pemuda Umno, pergerakan itu menggunakan slogan Pemuda Pelopor Pembangunan serta dilihat sebagai kumpulan pendesak.

Malah Allahyarham sendiri terkenal sebagai seorang yang lantang dan kuat mempertahankan hak orang Melayu bandar.

Allahyarham memperkenalkan sistem biro dalam Pemuda Umno untuk memberikan tugas khusus kepada ahli exconya yang kemudian menjadikan kepemimpinannya bertambah kuat dan kukuh.

Kejayaan awal Pemuda di bawah kepimpinan Allahyarham ialah membawa semula Dr Mahathir Mohamad ke pangkuan Umno selepas dipecat daripada parti selepas krisis 13 Mei 1969.

Allahyarham berusaha keras meyakinkan Majlis Tertinggi supaya menerima semula Dr Mahathir ke dalam Umno.

Kemasukan semula Dr Mahathir itu adalah satu peristiwa besar dalam sejarah negara apabila beliau akhirnya terpilih sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri.

Apabila Umno diharamkan pada 1987 dan ahlinya berpecah, Allahyarham yang menyertai kumpulan penyokong Tengku Razaleigh Hamzah turut menganggotai parti Semangat 46.

Bagaimanapun, diterima kembali ke pangkuan Umno pada 4 Mei 2000 selepas Semangat 46 dibubarkan dan anggotanya membuat keputusan menyertai Umno.

Walaupun sudah bersara daripada politik sejak 1991 dan menumpukan perhatian kepada firman guaman, Allahyarham tidak boleh melupakan bidang politik yang diminatinya itu dan terus setia mengikuti setiap perkembangan politik negara.

Dalam bidang sukan pula, Allahyarham adalah tokoh bola sepak yang berpengaruh serta pernah menjadi pengurus kontinjen bola sepak negara ke sukan Olimpik 1972 di Munich, Jerman.

Sebenarnya ramai tidak mengetahui anak penghulu kampung ini adalah jaguh sukan tinju, bina badan dan bola sepak pada masa mudanya.

Allahyarham disifatkan sebagai pemimpin yang mempunyai inspirasi dan pengurus yang begitu dekat dengan pemain tetapi tegas dalam usaha memajukan pasukan bola sepak negara.

Tiada siapa dapat melupakan jasa yang ditaburkannya hingga melayakkan skuad bola sepak kebangsaan pada masa itu bergelar gergasi Asia.

Peminat setia bola sepak ini juga pernah berbakti sebagai Timbalan Presiden Perstuan Bola Sepak Malaysia (FAM) selama empat tahun bermula 1984.

Melihat kepada jasa bakti yang ditaburkan selama ini, Allahyarham dianugerahkan tokoh Bola Sepak Negara pada majlis Anugerah Bola Sepak pada April 1997.